

SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN
SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
KOD JAWATAN : 3220

JADUAL GAJI

GRED N17	P1T1	RM 820.38	-	P1T24	RM2151.35
	P2T1	RM 871.81	-	P2T24	RM2272.50
	P3T1	RM 924.75	-	P3T24	RM2397.95
GRED N22	P1T1	RM1915.43	-	P1T12	RM2838.04
	P2T1	RM2057.61	-	P2T12	RM3134.53
GRED N32	P1T1	RM2413.04	-	P1T13	RM3592.76
	P2T1	RM2623.28	-	P2T13	RM3911.96

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c.
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus ujian masuk mengambil trengkas atau nota rintas (note taking) dengan kederasan 20 p.s.m daripada rencana dan menaip salinan trengkas atau nota rintas itu sederas 15 p.s.m dengan kesalahan tidak melebihi 4%;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T2); atau

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer) atau;

- (ii) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N17: P1T9);

Dan Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.